



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 JULY 2016

PM saksi projek kerjasama minuman nutrisi Upin & Ipin

PUTRAJAYA 30 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian strategik antara dua Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (Teras) untuk penghasilan minuman nutrisi coklat jenama 'Upin & Ipin'.

Pertukaran dokumen strategik dengan nilai kontrak produk berjumlah RM44.36 juta itu melibatkan Les' Copaque Production Sdn. Bhd. yang diwakili Pengarah Urusannya, Burhanuddin Muhd. Radzi dan MGV Industries Sdn. Bhd. yang diwakili Pengarah Urusannya, Zakaria Jusoh.

Hadir sama menyaksikan majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Datuk Husni Salleh.

Menurut Husni, kerjasama antara kedua-dua syarikat bumiputera itu dijangka mampu memberi pulangan yang tinggi

berikutan MGV Industries merupakan syarikat produk minuman berdaya maju, manakala Les' Copaque memiliki jenama yang besar menerusi animasi Upin & Ipin.

"Kedua-dua syarikat Teras ini telah melalui perjalanan transformasi daripada sebuah perusahaan dan perniagaan dengan skala yang lebih kecil. Nilai inovasi serta kerjasama seperti ini yang perlu diterapkan untuk setiap usahawan bumiputera melangkah jauh," katanya.

Jelas beliau, kerjasama strategik tersebut adalah kerjasama strategik keempat yang termetairi di antara syarikat-syarikat Teras dengan melibatkan jumlah keseluruhan nilai kontrak melebihi RM600 juta.

Beliau memberitahu, program Teras yang dilancarkan oleh Teraju pada Julai 2011 telah mengenal pasti sebanyak 1,003 syarikat bumiputera yang berpotensi tinggi dan membantu memudahcara usaha jalinan kerjasama syarikat-syarikat terabit.

um - 1/7/2016